

# Honda mahu kembang operasi di Malaysia

BH 14 DEC 2002

HONDA Motor Corporation (Honda), pengeluar kereta kedua terbesar di Jepun, akan mengembangkan operasinya di negara ini dengan melabur RM374 juta pada 2005.

Syarikat itu sudah melabur RM180 juta di kilang di tanah 32 hektar di Melaka dan pembukaan kilang itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 17 Januari lalu.

Pengarah Urusan yang juga Ketua Eksekutif Honda Malaysia, Seiji Kuraishi, berkata kilang itu mempunyai kapasiti pengeluaran 20,000 unit kenderaan setahun.

Kuraishi berkata, pengembangan operasi di Malaysia ialah satu daripada langkah Honda mempersiapkan diri menghadapi pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2005.

Walaupun pasaran kereta penumpang di Malaysia tahun ini berjumlah 400,000 unit dengan penguasaan pasaran Honda hanya kira-kira 6,500 unit, syarikat itu menjangka jualan akan meningkat kepada lebih 10,000 menjelang tahun depan.

"Sehingga kini kami sudah melabur RM180 juta, tetapi kami komited untuk melabur RM374 juta lagi menjelang 2005 untuk pengembangan operasi dan pelaburan terhadap model dan peralatan

baru," katanya kepada wartawan di Melaka, baru-baru ini.

Kilang itu akan memulakan pengeluaran model empat lejang CRV, manakala model Accord, City, dan Civic, yang kini dipasang oleh rakan niaga syarikat, Oriental Holdings (Oriental) di Johor, akan dibuat secara berperingkat.

Kontrak pemasangan dengan Oriental akan berakhir menjelang akhir tahun ini, kata Kuraishi.

Beliau berkata, kilang Honda di Malaysia akan mengeluarkan kereta bagi pasaran domestik dan syarikat turut merancang mengeksport apabila kapasiti pengeluaran ditingkatkan kepada 40,000 unit setahun.

Kilang pengeluaran Honda di Melaka adalah kilang yang ketiga milik syarikat itu di Asia Tenggara selepas Thailand dan Filipina.

Syarikat itu turut merancang untuk membuka satu lagi kilang di Indonesia Mac tahun depan.

Saingan utama kereta Honda di Malaysia ialah kereta Toyota dan kereta buatan Korea, yang dijual lebih murah serta kereta nasional keluaran Proton dan Perodua.

Sehubungan itu, Kuraishi berkata, Honda akan berusaha untuk mengurangkan kos pengeluaran dan pada masa yang sama mengekalkan kualiti dan perkhidmatan.